

METODOLOGI PENYUSUNAN ‘ULUM AL-HADITH DI SISI ULAMA SYAFII

Dr. Mohd. Khafidz bin Soroni

mohdkhafidz@kuis.edu.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Disiplin ‘ulūm al-ḥadīth merupakan komponen terpenting dalam bidang pengajian hadis. Meskipun perbahasannya sudah mencapai tahap matang dalam kurun ke-3 Hijrah, namun pembukuan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth secara lengkap tidak berlaku di zaman keemasan ilmu hadis tersebut. Dalam proses pembukuan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth, para ulama yang terlibat terdiri daripada pelbagai latar pendidikan dan mazhab fiqh. Antara yang terkehadapan ialah ulama mazhab Syafii yang dilihat amat progresif dalam perkembangan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth bermula sejak kurun ke-4 Hijrah. Justeru dalam kajian ini, pengkaji mengupas mengenai peranan ulama mazhab Syafii dalam penulisan dan pembukuan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth dan metode-metode yang diguna pakai oleh mereka dalam proses berkenaan sehingga kurun ke-14 Hijrah. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode analisis dokumen kepustakaan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ulama Syafii mempunyai peranan dan pengaruh yang cukup besar dalam pembukuan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth berserta metodologi penyusunan yang perbagai.

Kata kunci: ‘ulūm al-ḥadīth, metodologi, penyusunan, ulama Syafii, mazhab

1. Mukadimah

Jika melalui kerja berpasukan (*team work*) mampu menghasilkan mutu kerja yang baik dan mantap. Maka, begitu juga ibaratnya dalam soal bermazhab menurut disiplin yang muktabar. Para ulama dalam sesebuah mazhab umpama saling bantu membantu antara satu sama lain dalam mengukuhkan asas dan dasar mazhab. Jika ada ulama yang tidak pakar dalam sesuatu disiplin ilmu, maka perlu dirujuk kepada ulama yang pakar dan ahli dalam disiplin ilmu tersebut. Maka jika misalnya, wujud ulama yang kurang mendalam dalam ilmu hadis dalam sesuatu mazhab, bukanlah menjadi satu perkara yang mengaibkan kerana ada ulama lain yang memang ahli dan pakar dalam bidang tersebut yang boleh dirujuk dalam mazhab berkenaan. Begitu juga bagi setiap bidang ilmu yang lain boleh dikiaskan dengan tamsilan ini. Kerjasama ini menjadikan sesuatu mazhab itu mampu berdiri teguh dan kukuh sehingga bila-bila pun.

Dalam sejarah pengajian Islam, mazhab-mazhab fiqh merupakan antara yang memainkan peranan penting dalam bidang penulisan dan pembukuan ilmu, khususnya di dalam kurun ke-3 Hijrah dan kurun-kurun seterusnya. Setiap mazhab fiqh dilihat mempunyai tokoh-tokoh ulama masing-masing yang telah memberi sumbangan besar dalam pembukuan perbagai disiplin ilmu pengajian Islam. Bagaimanapun, dalam kajian ini fokus akan diberi khusus terhadap salah satu mazhab fiqh yang muktabar, iaitu Mazhab Syafii dengan tumpuan khusus kepada salah satu bidang ilmu, iaitu disiplin ‘ulūm al-ḥadīth. Kajian ini akan cuba mengupas mengenai metodologi ulama mazhab Syafii di dalam penulisan, penyusunan dan pembukuan disiplin ‘ulūm al-ḥadīth.

2. Ulama Syafii dan Metode Mazhab Mereka

Mazhab Syafii merupakan salah satu mazhab fiqah yang muktabar dalam Islam. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013); mazhab Syafii ialah satu daripada empat mazhab yang teraku dalam agama Islam; didirikan oleh Imam Syafii. Nama penuh Imam Syafii ialah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Idrīs bin al-‘Abbās bin ‘Uthmān bin Syāfi‘ī. Lahir di Gazza, Palestin pada tahun 150 H dan wafat di Kaherah, Mesir pada tahun 204 H. Beliau adalah salah seorang mujtahid Islam. Al-Dhahabi dalam *Tadhkirah al-Huffaz* menyebut: “al-Syāfi‘ī adalah imam panji dan tinta ummah”. (al-Dhahabi 1998: 1/265)

Maka, ulama Syafii atau disebut *al-Shāfi‘iyyah* ialah ulama yang mengikut mazhab yang didirikan oleh Imam al-Syāfi‘ī serta memegang usul dan kaedah fiqahnya. Mazhabnya masyhur disebut sebagai Mazhab Syafii nisbah kepada gelaran beliau. Antara tokoh-tokoh ulama Mazhab Syafii – sekadar menyebut beberapa nama - ialah seperti Yūsuf bin Yaḥyā al-Buwayḥī (w. 231 H), Ismā‘īl bin Yaḥyā al-Muzānī (w. 264 H), Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī (w. 450 H), Ḥujjah al-Islām al-Ghazalī (w. 505 H), Imam al-Rāfi‘ī (w. 623 H), Muhyī al-Dīn al-Nawawī (w. 656 H), Syaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (w. 925 H), Ibn Ḥajar al-Haytami (w. 962 H), Syams al-Dīn al-Ramlī (w. 1004 H) dan ramai lagi yang boleh dirujuk kepada kitab-kitab yang menghimpunkan biografi alim ulama Syafii seperti: *Tabaqāt al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyyah* oleh Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643 H), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā* oleh Tāj al-Dīn al-Subkī (w. 771 H), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah* oleh Ibn Qādī Syahbah (w. 790 H), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah* oleh Abū Bakr bin Hidāyah Allah al-Ḥusaynī (w. 1014 H) dan lain-lain.

Setelah melalui beberapa peringkat pengemaskinian, pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafii menurut para ulama Syafii *muhaqqiqin* ialah pendapat Imam al-Rāfi‘ī dan Imam al-Nawawī. Namun, apabila bertembung pula pandangan mereka berdua, maka perlu diutamakan pandangan al-Nawawī dahulu daripada al-Rāfi‘ī. Dan apabila bertembung pandangan al-Nawawī dengan pandangannya sendiri di dalam kitab-kitab susunannya, maka yang muktamad ialah didahulukan pandangan beliau menurut tertib susunan karyanya sepertimana berikut (al-Saqqāf t.t.: 36-37):

- i. *al-Tahqīq*
- ii. *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*
- iii. *al-Tanqīḥ Sharḥ al-Wasiṭ*
- iv. *Rawḍah al-Tālibīn*
- v. *Minhāj al-Tālibīn*
- vi. *Fatāwā al-Nawawī*
- vii. *al-Minhāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*
- viii. *Taṣḥīḥ al-Tanbīh*.
- ix. *Nukat al-Tanbīh*.

Kemudian dalam kalangan ulama Syafii mutaakhirin, muncul pula Imam Ibn Ḥajar al-Haytami (w. 962 H) dan Imam al-Ramlī (w. 1004 H). Pendapat kedua-dua mereka turut menjadi pendapat yang muktamad di dalam mazhab Syafii. Namun, apabila mereka berselisih pandangan, pendapat yang menjadi pegangan di sisi ulama Syafii berbeza antara ulama Mesir dengan ulama daerah-daerah lainnya. Bagi ulama Mesir, mereka berpegang dengan pandangan Imam al-Ramlī yang terdapat di dalam kitab-kitabnya, terutama kitab *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Ini kerana kitab ini telah dibacakan kepada kira-kira 400 orang ulama Syafii lantas dikritik dan diperkemas oleh mereka sehingga sampai kepada had mutawatir bahawa kandungannya benar menepati mazhab Syafii. Kerana itulah, Imam al-Ramlī digelar sebagai ‘al-Syāfi‘ī al-Ṣaghīr’.

Manakala bagi ulama daerah-daerah lain seperti Hijjaz, Yaman, Syam (Syria, Jordan, Lubnan, Palestin) dan lain-lain, mereka berpegang dengan pandangan Imam Ibn Ḥajar al-Haytāmī, khususnya kitab *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Kitab Ibn Ḥajar ini juga telah dibacakan kepada bilangan ulama Syafii yang sangat ramai serta diperakui oleh mereka. (al-Saqqāf t.t.: 37; ‘Alī Jum‘ah 2004: 50)

Menurut pendapat al-Sayyid ‘Umar al-Baṣrī (w. selepas 1137 H), sekiranya bertembung pandangan Ibn Ḥajar al-Haytāmī dan al-Ramlī perlu dilihat dari beberapa sudut. Sekiranya mufti dari kalangan ahli *tarjīh*, maka bolehlah ditarjīhkan mana-mana pandangan daripada kedua-duanya. Sekiranya bukan ahli, maka ia boleh memilih mana-mana pandangan daripada kedua-duanya atau mana-mana pandangan daripada kalangan ulama Syafii mutaakhirin lain yang masyhur. Bagaimanapun, adalah lebih utama bagi mufti melihat kepada keadaan si penyoal, apakah pada tahap orang awam yang kuat pegangan agamanya atau pada tahap orang awam yang lemah pegangan agamanya, kemudian bolehlah ditarjīhkan pandangan yang sesuai menurut keadaan si penyoal. (al-Saqqāf t.t.: 38)

Manakala, apabila bertembung pandangan Ibn Ḥajar dengan pandangannya sendiri dalam kitab-kitab susunannya, maka dari segi keutamaannya menurut tertib yang muktamad adalah seperti berikut (al-Dimyāṭī, t.t.: 1/18):

- i. *Tuhfah al-Muhtāj*
- ii. *Fatḥ al-Jawwād*
- iii. *al-Imdād*
- iv. *Sharḥ Bā-faḍl* atau judulnya *al-Manhaj al-Qawīm*.
- v. *al-Fatāwā al-Kubrā* dan *Sharḥ al-‘Ubāb* pada kedudukan yang sama.

Syeikh Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī (w. 1194 H) menambah, apabila sesuatu masalah itu tiada disentuh oleh Ibn Ḥajar al-Haytāmī dalam *Tuhfah al-Muhtāj* mahu pun al-Ramlī dalam *Nihāyah al-Muhtāj*, maka mereka hendaklah merujuk kepada pendapat ulama Syafii mutaakhirin yang lain menurut urutan tertib berikut (al-Saqqāf t.t.: 37; ‘Alī Jum‘ah 2004: 50):

- i. Syaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (w. 925 H), terutama *al-Sharḥ al-Ṣaghīr ‘alā al-Bahjah* dan kemudiannya *Sharḥ al-Manhaj*.
- ii. al-Khaṭīb al-Syirbīnī (w. 977 H) penyusun *Mughnī al-Muhtāj*.
- iii. *Hāshiyah al-Ziyādī* (w. 1024 H)
- iv. *Hāshiyah Ibn Qāsim* (w. 994 H)
- v. *Hāshiyah ‘Amīrah* (w. 957 H).
- vi. *Hāshiyah al-Syabrāmallisi* (w. 1087 H)
- vii. *Hāshiyah al-Ḥalabī* (w. 1044 H)
- viii. *Hāshiyah al-Syawbarī* (w. 1069 H)
- ix. *Hāshiyah al-‘Inānī* (w. 1098 H).

Kebanyakan *hāshiyah* ulama Syafii mutaakhirin ini adalah bertepatan dengan pandangan Imam al-Ramlī, maka berfatwa dengannya juga dikira muktabar. Namun, jika ia berlawanan dengan *Tuhfah al-Muhtāj* dan *Nihāyah al-Muhtāj*, maka ia tidak lagi dapat dijadikan sandaran. Begitu juga apabila ia berlawanan dengan usul mazhab Syafii. (al-Dimyāṭī, t.t.: 1/19)

3. Analisis Terhadap Metodologi Penyusunan ‘Ulum al-Hadith Oleh Ulama Syafii

Jika perbahasan di atas merujuk kepada tokoh-tokoh ulama Syafii yang dirujuk dalam ilmu fiqah, maka perbahasan berikutnya akan membincangkan tokoh-tokoh ulama Syafii yang dirujuk dalam ilmu hadis pula. Perbincangannya akan dikupas melalui analisis terhadap metodologi ulama Syafii dalam penyusunan dan pembukuan disiplin ‘ulūm al-hadīth. Bagi objektif tersebut, pengkaji telah menyusun huraiannya menurut empat metode berikut:

i. Metode al-Hakim dan al-Khatib

Dalam penyusunan dan pembukuan ‘ulūm al-hadīth, boleh dikatakan ulama Syafii agak terkehadapan lebih awal berbanding yang lain dalam menyusun perbahasan-perbahasan ‘ulūm al-hadīth yang lebih lengkap dan menyeluruh. Antara tokoh mazhab Syafii yang menonjol dalam mempeloporinya ialah al-Hakim al-Naysaburi (w. 405 H) dan al-Khaṭīb al-Baghdādī (w. 463 H) yang telah menyusun banyak kitab khusus berkaitan ilmu-ilmu ‘ulūm al-hadīth.

Karya al-Hakim al-Naysaburi dapat dianggap sebagai karya pertama yang menghimpunkan perbahasan ‘ulūm al-hadīth yang cukup padat dan lengkap berbanding kitab sebelumnya. Di dalam kitabnya, al-Ḥākim telah menyenaraikan sebanyak 52 bahagian ilmu hadis. Bermula dengan *ma’rifah ‘ali al-isnad, al-ilm bi al-nazil, sidq al-muhaddith, al-masanid min al-asanid, al-mawqufat min al-riwayat, al-asanid allati la yudhkar sanaduha min Rasul Allah SAW, al-sahabah ‘ala maratibihim, al-mursal al-mukhtalaf fi al-ihtijaj biha, al-munqati‘ min al-hadith, al-musalsal min al-asanid...* dan seterusnya hingga kepada *jama‘ah min al-ruwat lam yuhtaj bi hadithihim wa lam yusqatu* dan diakhiri dengan *man rakhkhasa fi al-‘ard ‘ala al-‘alim wa ra’ahu sama‘an*. Bagaimanapun, perbahasan-perbahasannya masih belum diolah dengan sempurna dan disusun dengan rapi.

Kemudian, diikuti oleh al-Khatib al-Baghdaadi, tokoh hadis yang menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar: “Tiada satu seni pun daripada seni-seni hadis melainkan beliau ada menyusun mengenainya sebuah kitab khusus” (Ibn Ḥajar 1996: 14). Gambaran mengenai peranan penting beliau juga dirakamkan oleh al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Ibn Nuqṭah (w. 629 H) dalam kata-katanya: “Setiap orang yang insaf mengetahui bahawa para muḥaddithīn selepas al-Khaṭīb amat bergantung kepada kitab-kitabnya”. (Ibn Ḥajar 1996: 14).

Kitab beliau, *al-Kifāyah fi ‘Ilm al-Riwayah* merupakan salah satu kitab rujukan yang penting dalam ilmu ‘ulūm al-hadīth. Ia mengandungi 140 buah bab dan antara yang lengkap dalam membahaskan permasalahan-permasalahan ‘ulūm al-hadīth dan kaedah-kaedah riwayat hadis. Ia bermula dengan *bab ma ja‘a fi al-taswiyah bayn hukm Kitab Allah Ta‘ala wa hukm sunnah Rasul Allah SAW fi wujub al-‘amal wa luzum al-taklif, bab takhsis al-sunan li ‘umum muhkam al-Qur‘an wa dhikr al-hajah fi al-mujmal ila al-tafsir wa al-bayan, bab al-kalam fi al-akhbar wa taqsimiha, bab al-radd ‘ala man qala yajib al-qat‘ ‘ala khabar al-wahid bi annahu kadhhib idha lam yaqa‘ al-ilm bi sidqihi min nahiyyah al-darurah aw al-istidlal, ma‘rifah al-khabar al-muttasil al-mujib li al-qabul wa al-‘amal...* sehingga kepada *bab fi wujub itrah al-munkar wa al-mustahil min al-ahadith, bab dhikr ma yuqbal fihī khabar al-wahid wa ma la yuqbal fihī, bab al-qawl fi ta‘arud al-akhbar wa ma yasihh al-ta‘arud fihī wa ma la yasihh* dan diakhir dengan *bab al-qawl fi tarjih al-akhbar*.

Jadual 1 berikut menunjukkan data-data karya ‘*ulūm al-hadīth* pada peringkat ini:

Jadual 1 Data-data Karya ‘*Ulūm al-Hadīth*

| Bil. | Nama Pengarang | Judul Karya | Terbitan dan Cetakan |
|------|--|--|--|
| 1. | Imam Abū ‘Abdillah Muḥammad bin ‘Abdullah bin Muḥammad al-Ḥākim al-Naysābūrī (w. 405 H). | <i>Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth wa Kammiyah Ajnāsihi.</i> | Kitab ini telah dicetak oleh Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, India dengan ditahkik oleh al-Sayyid Mu‘azzim Husayn dan kemudian dicetak oleh beberapa penerbit lain, antaranya yang terbaik oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 2003 (1424 H) dengan ditahkik oleh Aḥmad bin Fāris al-Salūm. |
| | | <i>al-Madkhāl ilā Ma‘rifah Kitāb al-Iklīl.</i> Zahir judul kitab menunjukkan ia sebagai pengantar kepada kitab <i>al-Iklīl</i> , sebuah kitab yang disusun berkaitan sirah Nabi SAW. al-Ḥākim sengaja menulis kitab ini secara berasingan dan kandungannya lebih ringkas daripada kitab di atas yang berkisar tentang kepentingan sanad, hadis sahih, hadis daif serta bahagian-bahagiannya dan juga berkenaan <i>al-jarh wa al-ta‘dil</i> . | Kitab ini pernah dicetak oleh Syeikh Muḥammad Rāghib al-Ṭabbākh di Halab, Syria pada tahun 1351 H (1932) dengan judul: <i>al-Madkhāl fi Uṣūl al-Hadīth.</i> Kemudian ia dicetak oleh beberapa penerbit lain, antaranya oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 2003 (1423 H) dengan ditahkik secara teliti oleh Aḥmad bin Fāris al-Salūm. |
| 2. | Imam Abū Nu‘aym, Aḥmad bin ‘Abdullah bin Aḥmad al-Asbahānī (w. 430 H), pengarang kitab <i>Hilyah al-Awliyā’.</i> | <i>al-Mustakhrāj ‘alā Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth</i> yang memuatkan tambahan-tambahan ke atas kitab susunan al-Ḥākim di atas. (al-Ṭāḥḥān 2011: 10) | |
| 3. | Imam Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit al-Baghdādī yang terkenal dengan gelaran al-Khaṭīb al-Baghdādī (w. 463 H). | <i>al-Kifāyah fi ‘Ilm al-Riwayah.</i> | Antara yang awal mencetak kitab ini ialah Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, Hyderabad, India pada tahun 1357 H. |
| | | <i>al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi‘.</i> Kitab ini mengupas secara terperinci mengenai perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan akhlak seorang perawi dan adab-adab dalam mendengar dan meriwayatkan hadis. | Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah al-Ma‘ārif, Riyadh pada tahun 1403 H dengan ditahkik oleh Dr. Maḥmūd al-Ṭāḥḥān. |

| | | | |
|--|--|---|--|
| | | <p>al-Khaṭīb al-Baghdādī turut menyusun banyak karya-karya khusus seperti <i>al-Tabyīn li Asmā' al-Mudallisīn</i>, <i>al-Tafṣīl li Mubham al-Marāsīl</i>, <i>al-Faṣl li al-Waṣl al-Mudraj fi al-Naql</i>, <i>Tamyīz al-Mazīd fi Muttaṣil al-Asānid</i>, <i>Muwaddih Awhām al-Jam' wa al-Tafrīq</i>, <i>al-Muttafiq wa al-Muftariq</i>, <i>Riwayah al-Ābā' 'an al-Abnā'</i>, <i>al-Sābiq wa al-Lāhiq</i>, <i>al-Asmā' al-Mubhamah fi al-Anbā' al-Muḥkamah</i>, <i>al-Mukmal fi Bayān al-Muhmal</i>. Man Wāfaqat Kunyatuh Ism Abīh mimma La Yu'man Wuqū' al-Khaṭā' fīh. Talkhiṣ al-Mutashābih fi al-Rasm wa Ḥimāyah ma Ushkila minh 'an Bawādir al-Taṣhīf wa al-Wahm. Rāfi' al-Irtiyāb fi al-Maqlūb min al-Asmā' wa al-Ansāb. Akhbār Man Ḥaddatha wa Nasiya dan sebagainya.</p> | |
|--|--|---|--|

ii. Metode al-Hafiz Ibn al-Salah

Setelah al-Hakim dan al-Khatib, muncul Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643 H) yang telah menghimpunkan kesemua perbahasan ‘ulūm al-ḥadīth yang diketengahkan oleh al-Hakim, al-Khaṭīb al-Baghdādī dan lain-lain sehingga terhasilnya di tangan beliau kitab ‘Ulūm al-Ḥadīth yang cukup lengkap perbahasan dan kupasannya. Sesudah kemunculan kitab beliau, penumpuan para ulama mazhab Syafii dalam disiplin ‘ulūm al-ḥadīth kemudian hanya tertumpu kepadanya (lihat Rajah 1). Bahkan, para ulama daripada berbagai mazhab fiqh lain turut memberi tumpuan terhadapnya juga. Hingga ia dianggap sebagai sumber tunggal dalam disiplin ‘ulūm al-ḥadīth dalam tempoh selama hampir 200 tahun sebelum munculnya kitab al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar (w. 852 H).

Kitab ‘Ulūm al-Ḥadīth Ibn al-Ṣalāḥ yang juga masyhur sebagai *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ* ini merupakan sebuah karya ‘ulūm al-ḥadīth yang lengkap dan padat jika dibandingkan dengan karya-karya yang pernah disusun sebelumnya. Beliau telah menghimpunkan di dalam kitab ini segala maklumat yang terdapat di dalam kitab-kitab terdahulu serta menambah perbahasan yang belum pernah ditulis oleh pengarang-pengarang sebelumnya. Ibn al-Ṣalāḥ telah menyenaraikan di dalamnya sebanyak 65 bahagian ilmu hadis. Ia bermula dengan *al-ḥadīth al-ṣahīh*, *al-ḥadīth al-ḥasan*, *ma'rifah al-ḍa'i* *if min al-ḥadīth*, *ma'rifah al-musnad*, *ma'rifah al-muttaṣil*, *ma'rifah al-marfū'*, *ma'rifah al-mawqūf*, *ma'rifah al-maqtu'*, *ma'rifah al-mursal*, *ma'rifah al-munqati'*, *ma'rifah al-muḍal*, *ma'rifah al-tadlis*, *ma'rifah al-syādh*, *ma'rifah al-munkar...* dan diakhiri dengan *ma'rifah awtan al-ruwat wa buldanihim*.

Metode penyusunan para ulama selepasnya, terutama ulama mazhab Syafii dalam disiplin ‘ulūm al-ḥadīth sangat dipengaruhi oleh karya beliau. Sehingga kandungan perbincangan di dalam kitab-kitab ‘ulūm al-ḥadīth yang disusun kemudian oleh para ulama setiap mazhab secara umumnya tidaklah begitu jauh berbeza dengan model karya beliau, kecuali pada aspek yang memberi kesan pada pendalilan dan istinbat hukum.

Jelasnya, karya Ibn al-Salah menjadi sumber rujukan yang amat penting bagi para ulama sesudahnya. Hingga ada yang membuat ringkasan (*mukhtasar*) daripadanya, atau membuat ulasan (*hashiyah*) atau syarah terhadapnya, atau menggubahnya dalam bentuk nazam. Ramai ulama yang mengarang kitab ‘*ulūm al-hadīth* selepas Ibn al-Ṣalāḥ hanya mengikut metodologi susunan yang telah diasaskan oleh beliau. Tanpa menafikan ada juga yang memilih metode susunan yang lain dan pembahagian bab yang berbeza dalam karangannya.

Jadual 2 berikut menunjukkan data-data karya ‘*ulūm al-hadīth* yang disusun menurut metode Ibn al-Salah atau yang mempunyai pengaruh daripadanya:

Jadual 2 Karya ‘*Uulūm al-Hadīth* yang disusun Menurut Metode Ibn al-Salah

| Bil. | Nama Pengarang | Judul Karya | Terbitan dan Cetakan |
|------|--|---|---|
| 1. | Imam Abū ‘Amr ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān al-Syahrazūrī yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643 H). | <i>Ma’rifah Anwār ‘Ulūm al-Hadīth</i> atau disebut sebagai ‘ <i>Ulūm al-Hadīth</i> atau juga masyhur sebagai <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ</i> . Kitab ini pada asalnya merupakan himpunan pelajaran yang telah disampaikan oleh beliau kepada murid-muridnya dalam majlis pengajiannya setiap hari, sedikit demi sedikit. Justeru itu, mungkin terdapat sedikit kekurangan dari aspek susunannya. | Antara yang awal mencetak kitab ini ialah Matba‘ah Jasytami Fayd, Lucknow, India pada tahun 1886 (1304 H). Kemudian diterbitkan oleh beberapa penerbit lain, antaranya yang terbaik oleh Dār al-Fikr, Dimasyq pada tahun 1986 dengan ditahkik oleh Dr. Nūr al-Dīn ‘Itr. |
| 2. | al-‘Allāmah Ibrāhīm bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Mun‘im al-Ḥamawī yang terkenal dengan gelaran Ibn Abī al-Dam (w. 642 H). | <i>Tadqīq al-‘Ināyah fī Tahqīq al-Riwāyah</i> yang merupakan saduran daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Ṣalāḥ, di samping penambahan-penambahan dan ulasan-ulasan terhadapnya. | Kitab ini telah dicetak oleh Markaz al-Baṣā’ir li al-Baḥth al-‘Ilmi, Arab Saudi pada tahun 2015. |
| 3. | Imam Muhyī al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf bin Murri bin Ḥasan al-Nawawī al-Dimasyqi (w. 676 H). | <i>Irshād Tullāb al-Haqā’iq ilā Ma’rifah Sunan Khayr al-Khalā’iq</i> yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Ṣalāḥ. | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Baṣyā’ir al-Islāmiyyah, Beirut pada tahun 1408 H/ 1987 dengan ditahkik oleh ‘Abd al-Bārī Fath Allah al-Salafi. |
| | | <i>al-Taqrīb wa al-Taysir li Ma’rifah Sunan al-Bashīr al-Nadīr</i> yang merupakan ringkasan terhadap kitab beliau di atas. | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut pada tahun 1405 H/ 1985 dengan ditahkik oleh Muḥammad ‘Uthmān al-Khasy. |
| 4. | al-‘Allāmah al-Ṭabīb Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Abī al-Ḥazm al-Qurasyī al-Dimasyqi yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Nafis (w. 687 H). | <i>al-Mukhtaṣar fi ‘Ilm Uṣūl al-Hadīth</i> . Kitab ini mempunyai susunan yang berbeza dengan susunan kitab sebelumnya. Ia terdiri daripada lima buah bab, iaitu pertama mengenai <i>al-khabar al-maqṭū’ bi ṣidqihī</i> , kedua mengenai <i>al-khabar al-maẓnūn bi ṣidqihī</i> , ketiga mengenai <i>tahammul al-hadīth</i> , keempat mengenai <i>ahwāl ar-ruwāḥ</i> dan kelima mengenai <i>tawābi ‘ilm al-hadīth</i> . | Kitab ini telah dicetak oleh al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah, Kaherah pada tahun 1991 dengan ditahkik oleh Yūsuf Zaydān. |

| | | | |
|-----|---|---|--|
| 5. | Imam Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Aḥmad bin Khalīl bin Sa‘ādah al-Khuwayyī al-Adhrabījānī al-Dimasyqī (w. 693 H). Beliau adalah murid Imam Ibn al-Ṣalāh. | Beliau telah menggubah kitab gurunya, <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh</i> menjadi sebuah nazam dan memberinya judul: <i>Aqṣā al-Amal wa al-Sūl fī ‘Ulūm Ahadīth al-Rasūl SAW</i> . Ia juga dikenali dengan nama <i>Manzūmah Ibn Khalīl</i> . | Nazam ini telah ditahkik oleh Nawwāf ‘Abbās Ḥabīb al-Munāwir sebagai tesis sarjana di Fakulti Pengajian Tinggi, Universiti Kuwait pada tahun 2015. |
| 6. | al-‘Allāmah Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Farḥān bin Aḥmad bin Muḥammad bin Farḥān al-Isybīlī al-Andalusī (w. 699 H). | Beliau telah menyusun sebuah nazam yang terkenal dengan nama: <i>al-Qaṣīdah al-Gharāmiyyah</i> . Ini kerana di permulaan baitnya bermula dengan lafadz: <i>Gharāmī ṣaḥīḥ</i> (al-Ziriklī 2002: 1/195). Ia merupakan sebuah nazam ilmu <i>muṣṭalah al-hadīth</i> yang cukup masyhur sehingga disyarahkan oleh ramai ulama selepasnya. | |
| 7. | Imam Taqiy al-Dīn Abū al-Fath Muhammād bin ‘Alī bin Wahb al-Qusyayrī yang masyhur dengan panggilan Ibn Daqīq al-‘Id (w. 702 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Iqtirāh fi Bayān al-Iṣṭilāh</i> yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Ṣalāh. Beliau menggunakan gaya bahasa dan susunan ayat yang jelas dan mudah, serta takrif-takrif yang diberikan juga padat dan ringkas sehingga ia menjadi sandaran dan rujukan ramai ulama. | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-‘Ulūm li-Nasyr wa al-Tawzī’, Amman pada tahun 1427 H dengan ditahkik oleh Dr. Qaḥṭān ‘Abd al-Raḥmān al-Dūrī. |
| 8. | al-‘Allāmah Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin ‘Umar bin Ibrāhīm al-Ja‘barī (w. 732 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>Rusūm al-Tahdīth fī ‘Ulūm al-Hadīth</i> , yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Ṣalāh. | Kitab ini telah dicetak oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 1421 H dengan ditahkik oleh Ibrāhīm bin Syarīf al-Mīlī. Dan oleh Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah tanpa tahun dengan ditahkik oleh Yāsīn Maḥmūd al-Khaṭīb. |
| 9. | al-‘Allāmah Badr al-Dīn Muhammād bin Ibrāhīm bin Sa‘d Allah ibn Jamā‘ah al-Kinānī al-Ḥamawī (w. 733 H). | <i>al-Manhal al-Rawī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Hadīth al-Nabawī</i> . Kitab ini merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Ṣalāh. <i>Zawāl al-Tarāḥ Sharḥ Manzūmah Ibn Farḥān</i> , iaitu syarah bagi nazam <i>Gharāmī ṣaḥīḥ</i> atau <i>al-Qaṣīdah al-Gharāmiyyah</i> berkaitan ilmu <i>muṣṭalah al-hadīth</i> yang digubah oleh Aḥmad ibn Farḥān al-Isybīlī al-Andalusī. | Ia telah dicetak oleh Dār al-Fikr, Dimasyq pada tahun 1395 H dengan ditahkik oleh Muhyī al-Dīn Ramaḍān dan oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut dengan ditahkik oleh Yūsuf al-Hūt. |
| 10. | al-‘Allāmah Syaraf al-Dīn Ḥusayn bin Muḥammad bin ‘Abdullah al-Tībī (w. 743 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Khulāṣah fī Uṣūl al-Hadīth</i> yang merupakan ringkasan daripada dua buah kitab, iaitu kitab <i>al-Taqrīb</i> oleh Imam al-Nawawī (w. 676 H) dan kitab <i>al-Manhal al-Rawī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Hadīth al-Nabawī</i> oleh Imam Badr al-Dīn ibn Jamā‘ah (w. 733 H), yang mana kedua-duanya pula merupakan ringkasan daripada kitab | Kitab ini telah dicetak oleh Ri’āsah Diwān al-Awqāf, Bagdad pada tahun 1391 H dengan ditahkik oleh Subḥī al-Sāmarrā’ī. |

| | | | |
|-----|---|---|--|
| | | <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Šalāh (w. 643 H). | |
| 11. | al-‘Allāmah Abū al-Hasan ‘Alī bin ‘Abdullah bin al-Hasan al-Ardabīlī al-Tibrīzī (w. 746 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Kāfi fi ‘Ulūm al-Hadīth</i> , yang juga merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Imam Ibn al-Šalāh berserta beberapa penambahan. | Kitab ini telah dicetak oleh al-Dār al-Athariyyah, Amman pada tahun 1429 H/ 2008 dengan ditahkik oleh Masyhūr bin Hasan Āl Salmān. |
| 12. | al-Ḥāfiẓ Syams al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Uthmān ibn Qāymāz al-Dhahabī al-Dimasyqī (w. 748 H). al-Dhahabī adalah imam dalam ilmu <i>rījāl</i> dan telah menulis banyak karya penting berkaitan ilmu <i>rījāl</i> . | <i>al-Mūqizah fī ‘Ilm Muṣṭalaḥ al-Hadīth</i> . Ia sebuah kitab yang agak ringkas dan hanya mengandungi 24 bahagian ilmu hadis, iaitu; <i>al-ṣaḥīḥ</i> , <i>al-ḥasan</i> , <i>al-da’īf</i> , <i>al-maṭrūḥ</i> , <i>al-mawḍū‘</i> , <i>al-mursal</i> , <i>al-mu‘dal</i> , <i>al-munqati‘</i> , <i>al-mawqūf</i> , <i>al-marfū‘</i> , <i>al-muttaṣil</i> , <i>al-muṣnad</i> , <i>al-syādh</i> , <i>al-munkar</i> , <i>al-gharīb</i> , <i>al-musalsal</i> , <i>al-mu‘an‘an</i> , <i>al-mudallas</i> , <i>al-muḍtarib</i> , <i>al-mudraj</i> , <i>al-fāz al-adā‘</i> , <i>al-maqlūb</i> , <i>ādāb al-baḥth</i> dan <i>al-mu’talif wa al-mukhtalif</i> . Menurut Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ, meskipun al-Dhahabī tidak menyebut beliau meringkaskan kitab ini daripada kitab <i>al-Iqtirāh fī Bayān al-İstīlāh</i> oleh gurunya, Imam Ibn Daqiq al-‘Īd, namun melalui penelitian dan perbandingan yang dilakukan di antara kedua-dua kitab tersebut jelas didapati bahawa kitab ini sebenarnya adalah saringan atau ringkasan kepada kitab <i>al-Iqtirāh</i> . (al-Dhahabī 2000: 5-6). | Kitab ini telah dicetak di Beirut pada tahun 1985 (1405 H) dengan ditahkik oleh Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. |
| | | Antara karya beliau berkaitan ilmu <i>rījāl</i> ialah seperti <i>Tārīkh al-Islām</i> , <i>Mīzān al-I’tidāl fī Naqd al-Rījāl</i> , <i>Siyar A’lām al-Nubalā‘</i> , <i>Tadhkirah al-Huffāz</i> , <i>al-Mughnī fī al-Du‘afā‘</i> , <i>Tabaqāt al-Qurrā‘</i> , <i>al-Mu‘in fī Tabaqāt al-Muḥaddithīn</i> dan lain-lain. (‘Abd al-Sattār al-Sayykh 1994: 348) | |
| 13. | al-‘Allāmah ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn Jamā‘ah al-Dimasyqī (w. 767 H). | <i>al-Jawāhir al-Ṣihāḥ fī Sharḥ ‘Ulūm al-Hadīth li Ibn al-Šalāh</i> yang merupakan syarah kepada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh. (‘Abd al-‘Azīz 2000: 238) | |
| 14. | al-Ḥāfiẓ Abū al-Fidā‘ Imād al-Dīn Ismā‘il bin ‘Umar ibn Kathīr al-Qurāṣī al-Dimasyqī (w. 774 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>Ikhtiṣār ‘Ulūm al-Hadīth</i> yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh. Kitab ini telah ditahkik dan disyarah oleh Syeikh Aḥmad Muḥammad Syākir (w. 1377 H) dan beliau menamakan syarahnnya: <i>al-Bā‘ith al-Hathīth</i> . | Ia telah dicetak oleh percetakan Muḥammad ‘Alī Ṣubayḥ, Kaherah yang cetakan keduanya pada tahun 1951 (1370 H). |
| 15. | Imam Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādur bin ‘Abdullah al-Zarkasyī (w. 794 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Šalāh</i> yang merupakan ulasan terhadap kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh. Judul lain bagi kitab ini ialah <i>al-Ta‘līq ‘alā ‘Ulūm al-Hadīth</i> atau <i>al-Kalām ‘alā al-‘Ābidīn Muḥammad</i> | Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah Aqwā‘ al-Salaf, Riyadah pada tahun 1419 H dengan ditahkik oleh Dr. Zayn |

| | | <i>'Ulūm al-Hadīth.</i> | Bilāfarīj. |
|-----|---|--|--|
| 16. | al-'Allāmah Burhān al-Dīn Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Ayyūb al-Abnāsī (w. 802 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Syadhā al-Fayyāḥ min 'Ulūm Ibn al-Šalāh</i> yang merupakan syarah kepada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh. | Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah al-Rusyd, Riyadh pada tahun 1418 H dengan ditahkik oleh Salāḥ Fathī Halal. |
| 17. | Imam Sirāj al-Dīn Abū Ḥafṣ 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Anṣārī yang masyhur dengan panggilan Ibn al-Mulaqqin (w. 804 H). | <p><i>al-Muqni' fī 'Ulūm al-Hadīth</i> yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh berserta beberapa penambahan ke atasnya.</p> <p><i>al-Tadhkīrah fī 'Ulūm al-Hadīth</i> yang merupakan ringkasan terhadap kitab beliau di atas.</p> | <p>Kitab ini telah ditahkik oleh Jāwiḍ A'zam 'Abd al-'Azīm sebagai tesis sarjana di Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Umm al-Qura, Makkah pada tahun 1403 H.</p> <p>Kitab ringkasan ini telah dicetak oleh Dār 'Ammār, Amman pada tahun 1408 H/ 1988 dengan ditahkik oleh 'Alī Ḥasan 'Alī 'Abd al-Ḥamīd.</p> |
| 18. | Imam Sirāj al-Dīn 'Umar bin Raslān bin Nuṣāyr al-Bulqīnī (w. 805 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>Mahāsin al-Iṣṭilāh wa Taḍmīn Kitāb Ibn al-Šalāh</i> yang merupakan syarah kepada kitab <i>al-Muqaddimah</i> oleh Ibn al-Šalāh. | Kitab ini telah dicetak oleh Maṭba'ah Dār al-Kutub, Mesir pada tahun 1974 (1396 H) dengan ditahkik oleh 'Ā'isyah 'Abd al-Rahmān. |
| 19. | al-Ḥāfiẓ Abū al-Fadl Zayn al-Dīn 'Abd al-Rahīm bin al-Ḥusayn bin 'Abd al-Rahmān al-'Irāqī (w. 806 H). | <p><i>al-Taqyīd wa al-Idāh li mā Uṭliq wa Ughliq min Kitāb Ibn al-Šalāh</i> yang merupakan ulasan terhadap kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Šalāh</i>.</p> <p><i>Nazm al-Iqtirāh</i> yang menazamkan kitab <i>al-Iqtirāh fi Bayān al-Iṣṭilāh</i> susunan Ibn Daqīq al-ʻId (w. 702 H). Ia mengandungi sebanyak 427 bait syair.</p> <p><i>al-Tabṣirah wa al-Tadhkīrah fi 'Ulūm al-Hadīth</i> yang terkenal dengan nama <i>Alfiyyah al-'Irāqī</i>. <i>Alfiyyah</i> ini mengandungi sebanyak 1,002 bait syair dan merupakan ringkasan berbentuk nazam kepada kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Šalāh</i>, di samping membuat beberapa penambahan terhadap sebahagian perbahasannya.</p> <p><i>Sharḥ al-Tabṣirah wa al-Tadhkīrah</i> yang mensyarahkan nazam <i>Alfiyyahnya</i> sendiri.</p> | <p>Kitab ini telah dicetak oleh al-Maktabah al-Salafiyyah, Madinah pada tahun 1389 H dengan ditahkik oleh 'Abd al-Rahmān Muḥammad 'Uthmān.</p> <p>Nazam ini telah dicetak oleh Dār al-'Ulūm li al-Nasyr wa al-Tawzī', Amman pada tahun 1427 H.</p> |

| | | | |
|-----|---|--|---|
| | | | tepat kerana mungkin terkeliru dengan judul kitab karangan al-Hāfiẓ al-Sakhāwī yang turut sama mensyarahkannya. Kitab ini kemudian telah ditahkik oleh Dr. ‘Abd al-Latīf al-Ḥamīm dan Māhir Yāsīn Faḥl serta dicetak oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut pada tahun 2002 (1423 H). |
| 20. | Al-‘Allāmah Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Khāliq al-Barsyansi al-Syāfi‘ī (w. 808 H). | Beliau telah menggubah sebuah nazam ‘ulūm al-ḥadīth berjudul <i>al-Mawrid al-Asfā fi ‘Ulūm Hadīth al-Muṣṭafā</i> yang digubah dengan merujuk kepada Ibn al-Ṣalāḥ dan al-Nawawī, dan beliau kemudian mensyarahkannya sendiri. (al-Sakhāwī 1992: 7/290) | |
| 21. | al-‘Allāmah Abū ‘Abd Allah ‘Izz al-Dīn Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-‘Azīz bin Badr al-Dīn Muḥammad ibn Jamā‘ah al-Kinānī (w. 819 H). | <i>Sharḥ ‘Ulūm al-Ḥadīth</i> yang merupakan syarah terhadap kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ</i> . <i>al-Manhaj al-Sawi fi Sharḥ al-Manhal al-Rawī</i> yang merupakan huraian ke atas kitab <i>al-Manhal al-Rawī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī</i> susunan moyangnya, Imam Badr al-Dīn Muḥammad ibn Jamā‘ah al-Kinānī al-Ḥamawī (w. 733 H). (al-Kattānī 2000: 215) | |
| 22. | Al-Hāfiẓ Waliy al-Dīn Abū Zur‘ah Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-‘Irāqī (w. 826 H), anak kepada al-Hāfiẓ Zayn al-Dīn al-‘Irāqī (w. 806 H). | Beliau telah membuat huraian ke atas <i>Nazm al-Iqtirāh</i> yang disusun oleh ayahnya. (al-Kattānī 1982: 2/1119) | |
| 23. | al-‘Allāmah Majd al-Dīn Abū Tāhir Muḥammad bin Ya‘qūb bin Muḥammad al-Syīrāzī al-Fayrūz-ābādī (w. 827H), pengarang <i>al-Qāmūs al-Muhiṭ</i> . | Beliau telah menggubah sebuah nazam ilmu hadis tanpa judul yang terdiri daripada 35 bait dan merangkumi 20 bahagian ilmu hadis. | Nazam ringkas ini telah diterbitkan dengan judul: <i>Manzūmah fī Anwā’ ‘Ulūm al-Ḥadīth</i> oleh Abū Syu‘bah al-Sanabādī tanpa nama penerbit dan tahun terbitan. |
| 24. | Imam Abū al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī al-Jazārī al-Dimasyqī (w. 833 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Jazārī, imam ilmu qiraat dan syeikh para qari di zamannya. | Beliau menggubah sebuah nazam ‘ulūm al-ḥadīth berjudul: <i>al-Hidāyah fi ‘Ilm al-Riwayah</i> atau <i>al-Hidāyah ilā ‘Ulūm al-Riwayah</i> atau <i>al-Hidāyah ilā Ma ‘alim al-Riwayah</i> atau <i>al-Hidāyah ilā Funūn al-Ḥadīth</i> atau <i>Muqaddimah ‘Ulūm al-Ḥadīth</i> . Ia merupakan nazam bagi kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ</i> berserta penambahan lain yang terdiri daripada 373 bait. <i>al-Bidāyah fi ‘Ulūm al-Riwayah</i> (al-Sakhāwī 1992: 9/257) atau <i>Tadhkirah al-‘Ulamā’ fi Uṣūl al-Ḥadīth</i> (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 1/328). Beliau banyak menulkir di dalamnya daripada | Nazam ini telah diterbitkan oleh ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad Balghādī al-Qunaytī pada tahun 1431 H tanpa nama penerbit. |


| | | | |
|-----|---|---|---|
| | | kitab <i>al-Manhal al-Rawī</i> susunan Imam Badr al-Dīn Muḥammad ibn Jamā‘ah al-Kinānī (w. 733 H). | |
| 25. | Al-Ḥāfiẓ Syams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullah bin Muḥammad al-Dimasyqī yang masyhur dengan panggilan Ibn Nāṣir al-Dīn (w. 842 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>‘Uqūd al-Durar fi ‘Ulūm al-Athar</i> . Kemudian beliau mensyarahkannya pula dengan judul: <i>Hall ‘Uqūd al-Durar fi ‘Ulūm al-Athar</i> . | Kedua-duanya telah dicetak oleh Dār al-‘Abbās, Ta’if, Arab Saudi pada tahun 1415 H dengan ditahkik oleh ‘Abdullah bin ‘Alī Mursyid. Kitab <i>‘Uqūd al-Durar</i> juga telah dicetak oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 1426 H dengan ditahkik oleh al-Sayyid Ṣubḥī al-Husaynī al-Ṣāmarrā’ī. |
| 26. | al-‘Allāmah ‘Imād al-Dīn Ismā‘il bin Ibrāhīm bin ‘Abdullah ibn Jamā‘ah al-Kinānī al-Qudsi (w. 861 H). Beliau adalah murid al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar. | Beliau telah menyusun sebuah syarah ke atas nazam <i>Alfiyyah al-‘Irāqī</i> . (al-Sakhāwī 1992: 2/284) | |
| 27. | al-‘Allāmah Qutb al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abdullah bin Khayḍar al-Khayḍarī al-Zubaydī al-Dimasyqī (w. 894 H). | Beliau telah menyusun sebuah syarah ke atas nazam <i>Alfiyyah al-‘Irāqī</i> dan memberinya judul: <i>Su‘ūd al-Marāqī Sharḥ Alfiyyah al-‘Irāqī</i> . (Hāji Khalīfah 1994: 1/177) | |
| 28. | al-Ḥāfiẓ Syams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad al-Sakhāwī (w. 902 H). Beliau adalah murid al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar yang terkenal. | <p><i>Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyyah al-Ḥadīth</i> yang merupakan syarah ke atas matan <i>Alfiyyah al-‘Irāqī</i> (w. 806H). Kitab syarah ini merupakan antara rujukan terpenting dalam ilmu <i>‘ulūm al-ḥadīth</i>. Dalam menyusunnya, al-Sakhāwī telah mengambil rujukan daripada kitab-kitab <i>‘ulūm al-ḥadīth</i> yang ditulis oleh para ulama terdahulu sehingga para ulama di zamannya. Beliau juga banyak memetik pendapat gurunya, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar (w. 852 H). Kitab syarah ini dianggap ensiklopedia bagi kebanyakan permasalahan ilmu hadis.</p> <p><i>al-Īdāh fi Sharḥ Naẓm al-‘Irāqī li al-Iqtirāḥ</i> yang merupakan syarah bagi <i>Naẓm al-Iqtirāḥ</i> susunan al-Ḥāfiẓ al-‘Irāqī (w. 806H). (al-Kattānī 1982: 2/990)</p> <p><i>al-Ghāyah fi Sharḥ al-Hidāyah</i> yang merupakan syarah kepada nazam <i>al-Hidāyah fi ‘Ilm al-Riwayah</i> susunan Imam Ibn al-Jazārī (w. 833H).</p> | <p>Ia mempunyai banyak versi cetakan, antara yang terbaik: cetakan Dār al-Minhāj, Riyadah pada tahun 1426 H dalam 5 jilid dengan ditahkik oleh ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullah al-Khuḍayr dan Muḥammad bin ‘Abdullah Āl Fuhayd yang asalnya merupakan dua buah tesis Ph.D berasingan di bawah seliaan Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah di Fakulti Usuluddin, Universiti Islam al-Imām Muḥammad bin Su‘ūd, Riyadah pada tahun 1407 H dan 1408 H.</p> <p>Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, Madinah al-Munawwarah pada tahun 1413 H dengan ditahkik oleh Muḥammad Sayyidī</p> |

| | | | |
|-----|--|---|---|
| | | | Muhammad al-Amin al-Syanqiti. |
| | | <i>al-Tawdih al-Abhar li Tadhkirah Ibn al-Mulaqqin fi 'Ilm al-Athar</i> yang merupakan syarah terhadap kitab <i>al-Tadhkirah</i> oleh Ibn al-Mulaqqin (w. 804 H). | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Taqwā, Mesir pada tahun 1409 H dengan ditahkik oleh Husayn Ismā'il al-Jamal, dan oleh Maktabah Aḍwā' al-Salaf, Riyad pada tahun 1998 (1418 H) dengan ditahkik oleh 'Abdullah bin Muhammad 'Abd al-Rahim al-Bukhāri. |
| | | <i>Sharh Taqrīb al-Nawawī</i> . | Kitab ini telah ditahkik sebagai tesis sarjana di Universiti Umm al-Qura, Makkah oleh 'Abd al-Hādi 'Ulyān al-Qurasyī. |
| 29. | Al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abī Bakr bin Muḥammad al-Suyūṭī (w. 911 H). | <i>Tadrīb al-Rāwī fi Sharh Taqrīb a-Nawawī</i> yang merupakan syarah kepada kitab <i>al-Taqrīb wa al-Taysir li Ma'rifah Sunan al-Bashīr al-Nadīr</i> susunan Imam al-Nawawī yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh</i> . Kitab ini merupakan antara kitab rujukan terpenting dalam ilmu 'ulūm al-hadīth kerana mengandungi banyak perbahasan yang halus dan mendalam. | Ia telah dicetak oleh banyak penerbit dengan ditahkik oleh ramai sarjana, antara yang terbaik ialah cetakan Dār Ibn al-Jawzī, Arab Saudi pada tahun 1431 H dengan ditahkik oleh Syeikh Māzin bin Muḥammad al-Sarsāwī dan cetakan Dār al-Minhāj, Jeddah pada tahun 1437 H dengan ditahkik oleh Syeikh Muḥammad 'Awwāmah. |
| | | <i>al-Tadhni'b fi al-Zawā'id 'alā al-Taqrīb</i> yang mengandungi maklumat tambahan ke atas kitab <i>al-Taqrīb</i> oleh Imam al-Nawawī. (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 1/379) | |
| | | <i>Sharh Alfiyyah al-'Irāqī</i> yang mensyarahkan nazam <i>Alfiyyah al-'Irāqī</i> (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 1/177). | Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah al-Fārābī, Dimasyq pada tahun 1998 dengan ditahkik oleh 'Abdullah Muḥammad al-Darwisy. |
| | | <i>al-Rawd al-Mukallal wa al-Wird al-Mu'allal</i> yang merupakan sebuah kitab <i>muṣṭalaḥ al-hadīth</i> (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 1/686). | Kitab ini masih lagi belum dijumpai. (al-Tabbā' 1996: 163) |
| | | <i>al-Nukat 'alā Nuzhah al-Naṣar</i> yang merupakan ulasan ke atas kitab <i>Nuzhah al-Naṣar</i> oleh Ibnu Ḥajar. | |
| | | <i>Nazm al-Durar fi 'Ilm al-Athar</i> yang juga dikenali sebagai <i>Alfiyyah al-Suyūṭī</i> . Ia merupakan nazam bagi <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh</i> yang mengandungi sebanyak 985 bait. al-Suyūṭī juga telah membuat | |

| | | | |
|-----|--|--|---|
| | | <p>penambahan sebahagian permasalahan, takrif dan jenis ‘ulūm al-hadīth yang tidak dinyatakan oleh Ibn al-Šalāḥ mahu pun al-‘Irāqī dalam <i>Alfiyyahnya</i>.</p> <p><i>al-Bahr Alladhi Zakhar fi Sharh Alfiyyah al-Athar</i> atau <i>Qatr al-Durar ‘alā Nazm al-Durar</i> yang mensyarahkan <i>Alfiyyahnya</i> sendiri. Namun, beliau tidak sempat menyempurnakannya dan hanya sampai kepada bahagian <i>al-hadīth al-da’if</i>.</p> <p><i>al-Suyūti</i> juga turut menyusun sejumlah kitab ilmu <i>rijāl</i>, antaranya seperti <i>Tadhkirah al-Mu’tasi fi man Haddatha wa Nasiya</i> yang menghimpunkan jenis perawi yang pernah meriwayatkan hadis, tetapi ia kemudian terlupa.</p> | |
| 30. | al-‘Allāmah Syams al-Dīn Muḥammad bin Qāsim bin Muḥammad al-Ghazzi yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Gharābīlī (w. 918 H). | Beliau telah membuat <i>ḥāshiyah</i> (ulasan) ke atas kitab <i>Sharh Alfiyyah al-Hadīth</i> oleh al-‘Irāqī (w. 806 H). (Brockelman 1977: 6/209) | |
| 31. | Syaykh al-Islām al-Qāfi Abū Yaḥyā Zakariyyā bin Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāri (w. 926 H) yang masyhur dengan gelaran al-Qāfi Zakariyyā. | Beliau telah membuat huraian ke atas <i>Alfiyyah al-Hadīth</i> oleh al-‘Irāqī dan memberinya judul: <i>Fath al-Bāqī bi Sharh Alfiyyah al-‘Irāqī</i> . | Kitab ini telah dicetak oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 1420 H dengan ditahkik oleh Ḥāfiẓ Thānā’ Allah al-Zāhidī. |
| 32. | al-‘Allāmah Jamāl al-Dīn Husayn bin ‘Alī al-Ḥiṣnī (w. 971 H). | <p><i>Miṣbāh al-Zalām fī Hadīth al-Nabi ‘alayhi Aṣdal al-Ṣalāt wa al-Salām.</i></p> <p><i>al-‘Ināyah fī Sharh al-Hidāyah ilā ‘Ulūm al-Dirāyah</i> yang mensyarahkan nazam <i>al-Hidāyah</i> gubahan Imam al-Jazāri. (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 2/813)</p> | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Sammān, Istanbul, Turki pada tahun 2019 dengan ditahkik oleh Dr. Muḥammad Dīb al-‘Abbās. |
| 33. | al-‘Allāmah ‘Abd al-Wahhāb bin Aḥmad al-Sya‘rānī (w. 973 H), tokoh sufi yang terkenal. | Beliau telah meringkaskan kitab <i>Fath al-Mughīth bi Sharh Alfiyyah al-Hadīth</i> oleh al-Ḥāfiẓ al-Sakhawī (w. 902 H). | Karyanya ini telah dicetak dengan judul: <i>Muqaddimah ‘Ilm al-Hadīth</i> oleh Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nasyr, Amman, Jordan pada tahun 2017 dengan ditahkik oleh Yūsuf Riḍwān al-Lakūd. |
| 34. | al-‘Allāmah Sulaymān bin Yaḥyā bin ‘Umar Maqbūl al-Ahdal (w. 1197H), mufti Zabid, Yaman. | Beliau telah mensyarahkan nazam ‘ulūm al-hadīth al-‘Allāmah Majd al-Dīn al-Fayrūz-ābādī dengan judul: <i>al-Manhal al-Rawī Sharh Manzūmah al-Majd al-Lughawī fī Iṣtilāh al-Hadīth al-Nabawī</i> . | Syarahnya ini telah dicetak oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada tahun 2007 dengan ditahkik oleh Hārūn bin ‘Abd al-Rahmān al-Jazā’irī. |
| 35. | Syeikh Muḥammad Maḥfūz bin ‘Abdullah al-Tarmasī al-Makkī | Beliau telah mengarang kitab <i>Manhaj Dhawī al-Naṣar fī Sharh Manzūmah</i> | Kitab ini pertama kali dicetak semasa hayat |

| | | | |
|--|-------------------------|---|---|
| | al-Syāfi‘ī (w. 1338 H). | ‘Ilm al-Athar yang merupakan syarah terhadap nazam <i>al-Alfiyyah</i> karangan Imam al-Suyuti (w. 911 H). | pengarangnya oleh Maṭba‘ah al-Jamāliyyah, Mesir pada tahun 1332 H. Seterusnya oleh Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu, Mesir pada tahun 1934 (1352 H). Di Indonesia, ia dicetak dengan dibiayai oleh Syeikh Sālim bin Saad bin Nabhān dan saudaranya Ahmad, pemilik al-Maktabah al-Nabhāniyah al-Kubrā, Surabaya, Jawa Timur. |
|--|-------------------------|---|---|

Rajah 1 Khidmat ulama Syafii terhadap kitab ‘Ulūm al-Hadīth



Sumber: Analisis pengkaji

iii. Metode al-Hafiz Ibn Hajar

Dalam kurun kesembilan Hijrah, muncul al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar (w. 852 H) yang telah menyusun kitab *Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar* dan juga syarahnya yang berjudul *Nuzhah al-Nażar*. al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar telah mengemukakan model susunan perbahasan yang agak baru dan berbeza dengan susunan perbahasan yang dibuat sebelumnya oleh Ibn al-Ṣalāḥ. Kedua-dua karya unggul Ibn Ḥajar ini, sebagaimana kitab Ibn al-Ṣalāḥ juga telah menerima sambutan yang besar di kalangan para ulama dan para penuntut ilmu. Ini kerana selain ringkas dan padat, ia mengandungi perbahasan-perbahasan penting yang tidak terdapat di dalam kitab Ibn al-Ṣalāḥ. Kedua-dua karya ini kemudian telah disyarahkan, diringkaskan, diberikan ulasan atau dinazamkan oleh ramai alim ulama daripada berbagai mazhab fiqah, lebih-lebih lagi daripada kalangan ulama mazhab Syafii. (lihat Rajah 2)

Dalam menyusunnya, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar banyak mengambil manfaat daripada karya-karya ‘ulūm al-ḥadīth yang terdahulu. Namun, beliau tidak meletakkan sebarang judul bab secara jelas di dalam susunannya. Beliau telah memulakan kitabnya dengan perbahasan; *al-khabar wa taqsim turuqihi*, *al-mutawatir*, *khabar al-ahad*, *al-masyhur*, *al-‘aziz*, *al-gharib*, *al-sahih*, *al-hasan*, *al-mahfuz*, *al-syadh*, *al-ma‘ruf*, *al-munkar*, *al-muhkam*, *al-mukhtalaf*, *al-mardud*, *al-mu‘allaq*, *al-mursal*, *al-mu‘dal*, *al-munqati‘*, *al-mawdu‘*... dan diakhiri dengan *ma‘rifah sabab al-hadīth*.

Jadual 3 berikut menunjukkan data-data karya ‘ulūm al-ḥadīth yang disusun menurut metode Ibn Hajar (di samping sumbangan yang lain oleh penyusunnya sekiranya ada):

Jadual 3 Data-data Karya ‘Ulūm al-Ḥadīth yang disusun Menurut Metode Ibn Hajar


| Bil. | Nama Pengarang | Judul Karya | Terbitan dan Cetakan |
|------|--|--|--|
| 1. | al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (w. 852 H), tokoh terulung bidang hadis yang mencapai gelaran <i>Amīr al-Mu’mīnīn fi al-Ḥadīth</i> . | <i>Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar</i> yang merupakan sebuah kitab ‘ulūm al-ḥadīth ringkas yang terbaik dan sangat berfaedah dari segi susunan dan pembahagiannya, mengatasi kitab-kitab sebelumnya. Kitab ini juga sering dicetak bersama syarahnya yang berikut. <i>Nuzhah al-Nażar Sharḥ Nukhbah al-Fikar</i> . Syarah ini ditulis atas permintaan para murid al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar supaya mensyarahkan kitab <i>Nukhbah al-Fikarnya</i> . Kerana kepentingan kedua-duanya, ramai daripada kalangan ulama yang telah menyusun syarah, sama ada ke atas kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> atau pun syarahnya, <i>Nuzhah al-Nażar</i> . | Kitab syarah ini antara kitab yang mempunyai banyak edisi cetakan, antara yang terbaik: cetakan Maṭba‘ah al-Šabāḥ, Dimasyq pada tahun 1413 H dengan ditahkik oleh Nūr al-Dīn ‘Itr. |
| | | <i>al-Nukat ‘ala Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ</i> atau <i>al-Ifṣāḥ ‘ala Nukat Ibn al-Ṣalāḥ</i> yang merupakan ulasan terhadap kitab <i>Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ</i> . Namun, beliau tidak sempat menyempurnakannya dan hanya sampai kepada bahagian <i>al-maqlūb</i> . | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut pada tahun 1414 H dengan ditahkik oleh Mas‘ūd ‘Abd al-Hamīd al-Sa‘dānī. |
| | | al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar juga telah menulis | |

| | | | |
|----|--|---|--|
| | | banyak karya penting berkaitan ilmu <i>rijāl</i> seperti <i>Tahdhīb al-Tahdhīb</i> , ringkasannya <i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> , <i>Ta'jīl al-Manfa'ah bi Rijāl al-A'immah al-'Arba'ah</i> , <i>Lisān al-Mīzān</i> , <i>Tabaqāt al-Mudallisiñ</i> , <i>Nuzhah al-Albāb fi al-Alqāb</i> dan lain-lain. | |
| 2. | al-'Allāmah Jamāl al-Dīn Muhammād bin Mūsā bin 'Alī al-Marrākusyī al-Makkī, yang terkenal dengan panggilan Ibn Mūsā (w. 823 H). Beliau adalah murid al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar, meskipun tarikh wafat beliau lebih awal daripadanya. | Beliau telah mensyarahkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar</i> dan menyusun sebuah kitab ringkas tentang 'ulūm al-hadīth. | Menurut al-Sakhāwī, beliau tidak menyempurnakan satu pun daripadanya. (al-Sakhāwī 1992: 10/ 57) |
| 3. | al-'Allāmah Muhammād bin Abī Bakr bin 'Alī bin Ḥasan al-Hasanī al-Suyūṭī (w. 856 H). | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. (al-Sakhāwī 1992: 7/178) | |
| 4. | al-'Allāmah Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin 'Umar bin al-Ḥasan al-Biqā'i (w. 885 H). Beliau juga adalah murid al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. | <i>Ḩāshiyah 'alā Nuzhah al-Naṣar Sharḥ Nukhbah al-Fikar</i> yang merupakan ulasan ke atas kitab <i>Nuzhah al-Naṣar</i> . | |
| | | <i>Al-Nukat al-Waftyyah bi mā fi Sharḥ al-Alfiyyah</i> yang merupakan ulasan ke atas kitab <i>Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth</i> oleh al-'Irāqī (w. 806 H). | Kitab ini telah dicetak oleh Maktabah al-Rusyd, Riyadh pada tahun 2007 dengan ditahkik oleh Māhir Yāsīn al-Fahl. |
| 5. | al-'Allāmah Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Muhammād bin 'Abd al-Raḥmān bin Muhammād bin Rajab al-Syāfi'i al-Tūkhī (w. 893 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn Rajab al-Tūkhī. | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. (al-Sakhāwī 1992: 2/121) | |
| 6. | al-'Allāmah 'Abd al-Qādir bin Muhammād bin Aḥmad bin 'Alī Muhyī al-Dīn al-Ḥusaynī (w. Selepas 896 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn Muẓaffar. | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. (al-Sakhāwī 1992: 4/286) | |
| 7. | al-'Allāmah al-Qādī Burhān al-Dīn Muhammād bin Ibrāhīm al-Maqdisī (w. 900 H). | Beliau juga telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. (Hāji Khalīfah 1994: 2/746) | |
| 8. | al-'Allāmah Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Ṣadaqah bin Aḥmad bin Husayn al-Qāhirī (w. 905 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Ṣayrafī. Beliau adalah murid kepada al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> dan memberinya judul: ' <i>Unwān Ma'āni Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar</i> . (al-Sakhāwī 1992: 1/318) | |
| 9. | al-'Allāmah Kamāl al-Dīn Muhammād bin Muhammād bin Abī Bakr al-Murri al-Maqdisī (w. 906 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn Abī Syarīf. Beliau juga adalah murid kepada al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. | Beliau telah membuat <i>hāshiyah</i> (ulasan) ke atas kitab <i>Nuzhah al-Naṣar Sharḥ Nukhbah al-Fikar</i> . | <i>Hāshiyah</i> ini telah dicetak oleh Dār al-Waṭān, Riyadh pada tahun 1420 H dengan ditahkik oleh Dr. Ibrāhīm al-Nāṣir. Kemudian ditahkik pula oleh Muhammād Murābi dan diterbitkan oleh Dar Ibn Kathīr, Dimasyq pada tahun 2014. |

| | | | |
|-----|--|--|--|
| 10. | al-'Allāmah Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad bin Abī Bakr al-Murri al-Maqdīsī (w. 923 H), adik kepada Kamāl al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Abī Bakr al-Murri al-Maqdīsī yang juga terkenal seperti abangnya dengan panggilan Ibn Abī Syarīf. | Beliau telah menyusun nazam bagi kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar. (al-Ziriklī 2002: 1/66) | |
| 11. | al-'Allāmah Raḍīy al-Dīn Abū al-Faḍl Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazī al-Dimasyqī al-'Āmirī al-Qurasyī (w. 935 H). | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> . (al-Ghazī 1997: 2/5) | |
| 12. | al-'Allāmah 'Abdullah bin Muḥammad bin 'Abdullah bin 'Alī al-'Ajāmī al-Syansyūrī (w. 999 H). | Beliau telah menyusun kitab <i>al-Mukhtaṣar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar</i> , yang merupakan ringkasan daripada kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> . Kemudian beliau mensyarahkannya pula dengan judul <i>Khulāṣah al-Fikar Sharḥ al-Mukhtaṣar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar</i> (al-Ziriklī 2002: 4/ 128). | Kitab syarahnya telah dicetak oleh Dār al-Arqam, Kuwait pada tahun 1405 H dengan ditahkik oleh Ṣābir bin Muḥammad al-Zibārī. |
| 13. | al-'Allāmah Manṣūr al-Ṭablāwī (w. 1014 H), cucu kepada Nāṣir al-Dīn al-Ṭablāwī. | Beliau telah menyusun nazam bagi kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> . (Hāfiẓ Khalīfah 1994: 2/746) | |
| 14. | al-'Allāmah Zayn al-Dīn Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf bin 'Alī bin Zayn al-'Ābidīn al-Haddadī al-Munāwī (w. 1031 H). | <p><i>Naujāyah al-Fikar fī Sharḥ Nukhbah al-Fikar</i> yang mensyarahkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar (w. 852 H). Kitab ini merupakan versi syarah beliau yang besar.</p> <p>Syarah kedua kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> yang merupakan versi syarah beliau yang kecil, namun tiada dinyatakan judulnya. (al-Muhibbī t.t.: 2/413)</p> <p><i>al-Yawāqīt wa al-Durar fī Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikar</i> yang merupakan syarah kepada kitab <i>Nuzhah al-Naẓar</i> oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar.</p> | <p>Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Rusyd, Riyadh sebanyak dua kali. Pertama, pada tahun 1411 H dengan ditahkik oleh Rabi‘ bin Muḥammad al-Su'ūdī dan kedua, pada tahun 1420 H dengan ditahkik oleh Dr. Al-Murtadā al-Zayn Aḥmad.</p> |
| 15. | al-'Allāmah Syeikh Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ḥasan al-Kūrānī al-Syahrazūrī al-Kurdī (w. 1101 H). | Beliau telah menyusun sebuah <i>ḥāfiẓiyah</i> (ulasan) ke atas kitab <i>Nuzhah al-Naẓar</i> . | Manuskrip kitab ini ada di al-Maktabah al-Azhariyyah, Mesir dengan kod rujukan: khāṣ (823) 'ām (53071). Ia telah ditahkik oleh Muḥammad Murabi dan diterbitkan oleh Dar Ibn Kathir, Dimasyq pada tahun 2014. |
| 16. | al-'Allāmah Syihāb al-Dīn Ahmad bin 'Abd al-Karīm bin Su'ūdī bin Najm al-Dīn bin Badr al-Dīn bin Muḥammad al- | Beliau telah mensyarahkan nazam yang digubah oleh moyangnya, al-'Allāmah Abū al-Faḍl Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazī yang | |

| | | | |
|-----|--|---|---|
| | Ghazzī al-Dimasyqī al-‘Āmirī (w. 1143 H). | menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> . (al-Murādī 1988: 1/ 118) | |
| 17. | Syeikh ‘Abd al-Wahhāb bin Aḥmad Barakāt al-Aḥmadi al-Syāfi‘ī (w. Selepas 1150 H), mufti Dimasyq. | Beliau telah meringkaskan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> . | Kitab ringkasannya ini telah dicetak bersama syarahnya susunan Syeikh Maḥmūd Syukrī al-Alūsī (w. 1342 H) yang berjudul: <i>Iqd al-Durar fi Sharḥ Mukhtaṣar Nukhbah al-Fikar</i> oleh Dār al-Rusyd, Riyad dengan ditahkik oleh Islām Maḥmūd Darbālah pada tahun 1420 H. Kemudian dicetak oleh Dār Ibn Hazm, Beirut dengan ditahkik oleh Dr. Majid al-Khalīfah pada tahun 1429 H/ 2008. |
| 18. | al-‘Allāmah Muḥammad Ma‘rūf bin Muṣṭafā bin Aḥmad al-Nūdahī al-Syahrazūrī al-Barzanjī al-Syāfi‘ī (w. 1254 H). | Beliau telah menazamkan kitab <i>Nukhbah al-Fikar</i> dan memberinya judul: <i>Iqd al-Durar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Aثار</i> . | Nazam ini telah dicetak oleh Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Diniyyah, Baghdad, Iraq pada tahun 1984 berserta karya-karya lain beliau yang ditemukan dalam 6 juzuk. Kesemuanya dicetak di bawah judul: <i>al-A‘māl al-Kāmilah li al-Shaykh Ma‘rūf al-Nūdahī</i> . |
| 19. | al-‘Allāmah Faṣīḥ al-Dīn Ibrāhīm bin Ṣibghah Allah bin Muḥammad bin As‘ad al-Haydari al-Baghdādī al-Syāfi‘ī (w. 1299 H). | Beliau telah mensyarahkan sebuah nazam <i>Nukhbah al-Fikar</i> (yang tidak dinyatakan pengubahnya) dan memberikan syarahnya judul: <i>I‘lā’ al-Rutbah fi Sharḥ Nazm al-Nukhbah</i> atau <i>A‘lā’ al-Rutbah fi Sharḥ Nazm al-Nukhbah</i> . (al-Ziriklī 2002: 1/44) | |
| 20. | Syeikh ‘Abbās bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rīḍwān al-Madāni al-Syāfi‘ī (w. selepas 1343 H). | <i>Bulūgh al-Waṭar al-Mukhtaṣar min Nukhbah al-Fikar</i> yang merupakan ringkasan kepada <i>Nukhbah al-Fikar</i> . <i>Fatḥ al-Barr bi Sharḥ Bulūgh al-Waṭar</i> yang merupakan syarah kepada ringkasannya di atas (al-Ziriklī 2002: 3/265). | Kitab ini pernah dicetak di Madinah al-Munawwarah pada tahun 1321 H tanpa nama penerbit. |

Rajah 2 Khidmat ulama Syafii terhadap kitab *Nukhbah al-Fikar*



Sumber: Analisis pengkaji

iv. Metode al-Bayquni

Dalam kurun kesebelas Hijrah, muncul al-Bayquni yang telah menyusun sebuah nazam '*ulūm al-hadīth*' yang sangat ringkas, namun menjadi nazam yang amat terkenal dan tersebar luas. Nazam ini hanya mengandungi 34 bait dan hanya merangkumi 31 bahagian ilmu hadis sahaja. Iaitu bermula dengan *al-ṣahīḥ*, *al-ḥasan*, *al-qaṣīf*, *al-marfū'*, *al-maqtu'*, *al-musnad*, *al-muttaṣil*, *al-musalsal*, *al-‘azīz*, *al-masyhur*, *al-mu‘ān‘an*, *al-mubham*, *al-‘ali wa al-nazil*, *al-mawqūf*, *al-mursal*, *al-gharīb*, *al-munqāṭī*, *al-mu‘dal*, *al-mudallas*, *al-syādh*, *al-maqlūb*, *al-fard*, *al-mu‘allal*, *al-muḍtarib*, *al-mudraj*, *al-mudabbaj*, *al-muttafiq wa al-muftariq*, *al-mu’talif wa al-mukhtalif*, *al-munkar*, *al-matrūk* dan *al-mawdū‘*.

Kemasyhurannya membuatkan ia disyarahkan oleh ramai ulama sejak dahulu sehingga kini, sepetimana yang dapat dirujuk senarai mereka dalam kitab *al-Daīl ilā al-Mutūn al-‘Ilmiyyah* oleh ‘Abd al-‘Azīz bin Ibrāhīm (2000: 222). Metode al-Bayquni dilihat sangat sesuai bagi para pelajar mempelajari '*ulūm al-hadīth*' di tahap permulaan. Justeru itu, ia sering dipilih menjadi sukatan asas bagi para pelajar pengajian agama di peringkat rendah sebelum berpindah kepada

kitab yang lebih tinggi tahapnya, sama ada yang menurut metode Ibn Hajar ataupun metode Ibn al-Salah.

Jadual 4 berikut menunjukkan data-data karya ‘*ulūm al-hadīth* yang disusun menurut metode al-Bayquni:

Jadual 4 Data-data Karya ‘*Ulūm al-Hadīth* yang disusun Menurut Mmetode al-Bayquni

| Bil. | Nama Pengarang | Judul Karya | Terbitan dan Cetakan |
|------|--|--|---|
| 1. | al-‘Allāmah ‘Umar bin Muḥammad bin Fatūḥ al-Bayqūnī al-Dimasyqī (w. 1080 H). | Beliau telah menyusun sebuah nazam ‘ <i>ulūm al-hadīth</i> yang masyhur dengan sebutan <i>al-Manzūmah al-Bayqūniyyah</i> . | |
| 2. | al-‘Allāmah Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Budayrī al-Ḥusaynī al-Dimyāṭī (w. 1140 H) yang juga terkenal dengan panggilan Ibn al-Mayyit. | Beliau telah mensyarahkan <i>al-Manzūmah al-Bayqūniyyah</i> dengan diberi judul: <i>Ṣafwah al-Mulāḥ bi Sharḥ Manzūmah al-Bayqūni fi Fann al-Muṣṭalah</i> . | Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Nawādir, Dimasyq pada tahun 2007 dengan ditahkik oleh Nūr al-Dīn Ṭālib. |
| 3. | al-‘Allāmah ‘Aṭīyyah Allah bin ‘Aṭīyyah al-Ujhūrī al-Burhānī al-Syāfi‘ī (w. 1190 H). | Beliau telah menulis <i>ḥāshiyah</i> (ulasan) ke atas <i>Sharḥ al-Manzūmah al-Bayqūniyyah</i> yang dihasilkan oleh al-‘Allāmah Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī al-Zarqānī al-Mālikī (w. 1122 H). | Kedua-duanya telah dicetak bersama oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut yang cetakan keduanya pada tahun 2004 dengan ditahkik oleh Ṣalāḥ Muḥammad ‘Uwaydah. |
| 4. | al-‘Allāmah Muḥammad bin Ma‘dān al-Ḥājirī al-Syāfi‘ī yang terkenal dengan panggilan Jād al-Mawlā (w. 1228 H), khatib Masjid al-Azhar, Mesir. | Beliau telah menyusun sebuah syarah ke atas <i>al-Manzūmah al-Bayqūniyyah</i> . (al-Ziriklī 2002: 7/105) | |
| 5. | al-‘Allāmah Syeikh Zayn bin Aḥmad al-Šayyād al-Marṣafī al-Syāfi‘ī (w. 1300 H). | Beliau telah mensyarahkan <i>al-Bayqūniyyah</i> dengan judul: <i>al-Tuhfah al-Zayniyyah Sharḥ al-Manzūmah al-Bayqūniyyah</i> . (al-Ziriklī 2002: 3/63) | |

4. Kesimpulan

Demikian metodologi penyusunan ‘*ulūm al-hadīth* di sisi ulama mazhab Syafii di sepanjang tempoh sekitar 14 kurun. Melalui analisis di atas, dapat diperolehi gambaran secara umum bagaimana disiplin ‘*ulūm al-hadīth* dibentuk, lalu berkembang merentasi zaman sehingga sampai kepada kita pada hari ini dalam keadaan telah diperhalusi dan disemak keautentikannya oleh para ulama, khususnya ulama dalam mazhab Syafii. Tanpa menafikan kemungkinan masih ada karya-karya lain yang tidak dimuatkan di sini, terutama karya-karya yang dikarang oleh ulama mutaakhirin yang hidup dalam kurun ke-15 H. Ini kerana objektif utama paparan di atas bukanlah untuk merekodkan keseluruhan data yang wujud, apatah lagi untuk mendakwa ianya sebagai satu statistik lengkap kerana ia merupakan satu cabaran yang amat sukar.

Sebagai kesimpulan, berdasarkan kajian mengenai metode ulama Syafii dalam penyusunan dan pembukuan ‘*ulūm al-hadīth*, jelas kepada kita bahawa ulama Syafii telah memberi sumbangan yang cukup besar dalam aspek ini dan agak terkehadapan lebih awal dalam menyusun perbahasan-perbahasan ‘*ulūm al-hadīth* yang lebih komprehensif. Antara yang dapat dirumuskan, kebanyakkan karya-karya ‘*ulūm al-hadīth* yang masyhur berdasarkan realiti masa kini adalah yang dihasilkan oleh ulama mazhab Syafii seperti al-Ḥākim, al-Khaṭīb al-Baghdādī,

Ibn al-Šalāh, al-Nawawī, al-‘Irāqī, Ibn Ḥajar, al-Suyūtī, al-Sakhāwī dan lain-lain. Justeru, menjadi kebanggaan para ulama Syafii dengan munculnya kitab *Ulūm al-Hadīth* oleh Ibn al-Šalāh dan kitab *Nukhbah al-Fikar* serta syarahnya *Nuzhah al-Nażar* oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar daripada kalangan tokoh-tokoh ulama mazhab mereka. Karya kedua-dua tokoh ini telah menjadi tumpuan dan rujukan penting di dalam ilmu ‘ulūm al-hadīth’ sejak zaman berzaman di sisi para ulama yang terdiri daripada pelbagai mazhab muktabar. Daripada kalangan ulama Syafii juga telah muncul empat buah nazam ‘ulūm al-hadīth’ yang sangat terkenal dan masyhur sehingga dihafaz dan disyarahkan oleh ramai ulama. Dua daripadanya merupakan nazam yang panjang, iaitu *Alfiyyah al-‘Irāqī* dan *Alfiyyah al-Suyūtī*. Manakala dua lagi merupakan nazam yang pendek, iaitu *al-Manzūmah al-Gharāmiyyah* dan *al-Manzūmah al-Bayqūniyyah*. Ringkasnya, karya-karya mereka semua menjadi rujukan yang penting di dalam disiplin ‘ulūm al-hadīth’ umumnya sehingga ke hari ini. Kebanyakan karya-karya ‘ulūm al-hadīth’ moden yang dihasilkan pada masa kini hakikatnya tidak dapat lari daripada pemikiran hadis yang telah digagaskan oleh para ulama Syafii. Wallahu a‘lam.

Rujukan

- ‘Abd al-‘Azīz bin Ibrāhīm. 2000. *al-Dalīl ila al-Mutūn al-‘Ilmiyyah*. Riyadh: Dār al-Šumay‘ī.
- ‘Abd al-Sattār al-Sayykh. 1994. *al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī*, Dimasyq : Dar al-Qalam.
- ‘Abd al-Sattār al-Sayykh. 1992. *al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī*, Dimasyq : Dār al-Qalam.
- ‘Alī Jum‘ah. 2004. *al-Madkhal Ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Brockelman, Carl. 1977. *Tārīkh al-Adab al-‘Arabī*. Cet. 5. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- al-Dhahabī. 2000. *al-Mūqizah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*, tahkik : ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. cet. 5. Kaherah : Dār al-Salām.
- al-Dimyāṭī, al-Sayyid Abu Bakr bin al-Sayyid Muhammad Syaṭā, t.t. *I‘ānah al-Tālibīn ‘alā Hall Alfāz Fath al-Mu‘īn*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Ghazzi. Muhammad bin Muhammad. 1997. *al-Kawākib al-Sā’irah bi A‘yān al-Mi’ah al-Āshirah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ḩājī Khalīfah, Muṣṭafā ibn ‘Abd Allah al-Ḥalabī. 1994. *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, Beirut : Dār al-Fikr.
- al-Hakim, Muḥammad bin ‘Abdullah. 2003. *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth wa Kammiyah Ajnāsihi*. ditahkik oleh Aḥmad bin Fāris al-Salūm. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Ḥajar. 1996. *Nuzhah al-Nażar Sharh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Šalāh. Abū ‘Amrū ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān al-Shahrazūrī. 1986. ‘Ulūm al-Hadīth. Tahkik: Dr. Nūr al-Dīn ‘Itr. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Kattānī. Muḥammad ibn Ja‘far. 2000. *al-Risālah al-Mustaṭrafah li-Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Musyarráfah*. Tahkik: Muḥammad al-Muntaṣir bin Muḥammad al-Kattānī. cet. 6. Beirut : Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah.
- al-Khatib, Ahmad bin ‘Ali bin Thabit al-Baghdadi. 2003. *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*. Tahkik: Ibrahim bin Mustafa Al Bahbah. Mesir: Dar al-Huda.
- al-Muhibbī. Muhammad Amin bin Faḍl Allah. t.t. *Khulāṣah al-Athar fī A‘yān al-Qarn al-Hādi Ashar*. Beirut: Dar Ṣādir.
- al-Murādī. Muhammad Khalīl bin ‘Alī al-Ḥusaynī. 1988. *Silāh al-Durār fī A‘yān al-Qarn al-Thānī ‘Ashar*. cet. 3. Beirut: Dar al-Basyā’ir al-Islāmiyyah.
- al-Sakhāwī. Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān. 1992. *al-Daw’ al-Lāmi‘ li Ahl al-Qarn al-Tāsi‘*, Beirut: Dār al-Jīl.

al-Saqqāf. al-Sayyid ‘Alawī bin Ahmad. t.t. *al-Fawā’id al-Makkiyyah fī ma Yaḥtājuhu Ṭalabah al-Shāfi‘iyah*, dalam: *Majmū‘ah Sab‘ah Kutub Mufidah*, Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

al-Ziriklī. 2002. *al-A‘lām*, cet. 15, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malāyīn.